

Melangkau Batas: Perjalanan Sorang Wanita Dalam Kerjaya Sebagai Diplomat.

Nurmaisarah Syahmina Mohd Tahir¹, Nurul Nadia A. Rahman², Nordiana Mohd Nordin³ dan Jafalizan Md Jali⁴

1 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2022970973@student.uitm.edu.my;

2 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2022909943@student.uitm.edu.my;

3 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; ndiana@uitm.edu.my  0000-0003-3713-5235

4 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: ndiana@uitm.edu.my; +60104026042

Abstrak : Kerjaya sebagai seorang pegawai diplomat bukanlah satu tugas yang mudah terutamanya apabila tugas itu disandang oleh seorang wanita. Kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman seorang wanita yang berkhidmat sebagai diplomat Malaysia di Prague, Republik Czech. Objektif utama kajian ialah melusuri latar belakang, memahami peranan dan tanggungjawab serta mendalami cara wanita mengatasi cabaran dan kerjaya yang didominasi oleh golongan lelaki. Dengan menggunakan metodologi sejarah lisan, temubual dilakukan untuk mendapatkan perspektif terperinci mengenai pengalaman dan sumbangan diplomat wanita di negara tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa diplomat wanita tersebut berjaya mengatasi cabaran melalui kepimpinan beliau yang cekal dan dedikasi. Kejayaan beliau memperkukuhkan peranan wanita dalam kerjaya ini dapat memberi inspirasi kepada wanita lain. Kepentingan penyertaan wanita dalam kerjaya diplomat ini dan saranan langkah untuk meningkatkan penyertaan dan kejayaan wanita di peringkat antarabangsa diberi penekanan dalam kajian ini. Dengan ini, kita dapat melihat bahawa wanita berpotensi untuk menjadi pemimpin yang hebat terutamanya dalam bidang diplomatic dan hubungan luar negara ini.

Kata Kunci: Diplomatik, Hubungan antarabangsa, Kepemimpinan Wanita, Sejarah Lisan, Cabaran Kerjaya.

DOI: 10.5281/zenodo.13927403



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kerjaya sebagai seorang pegawai diplomat merupakan satu kerjaya yang mencabar, lebih-lebih lagi apabila ia dipikul oleh seorang wanita. Cabaran ini bukan mampu dibuat oleh semua orang, tetapi berjaya dilaksanakan oleh Puan Suzilah Sidek setelah lebih 23 tahun berada dalam bidang ini. Perjalanan hidup Puan Suzilah dari kecil sehingga berjaya bergelar seorang pegawai diplomat dicorak dari awal lagi. Apabila disingkap latar belakang pendidikan dan pendedahan awal beliau, boleh dirumuskan bahawa sikap beliau yang positif, sentiasa inginkan kejayaan dan tidak mudah mengaku kalah menyebabkan beliau berjaya dibidang ini.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Faridah, (8 Mac 2022), apa yang dulunya merupakan bidang yang didominasi oleh lelaki, kini telah dipenuhi juga oleh golongan wanita. Pada hari ini, 24 peratus pegawai diplomatik di Kementerian Luar Negeri adalah wanita, dan 15 daripadanya memegang pangkat duta besar. Wanita telah mengambil jawatan Timbalan Setiausaha Agung, Ketua Pengarah dan Setiausaha Bahagian. Wanita diplomat Malaysia telah berkhidmat di setiap benua dunia. Kita pernah memiliki duta wanita ke Amerika Syarikat, Rusia, Jerman, Mexico, Bangladesh, Nigeria, Papua New Guinea, Timor Leste, Fiji, Pertubuhan Perdagangan Dunia di Geneva, dan misi tetap Asean di Jakarta. Negara-negara dan misi tetap ini mewakili cabaran yang berbeza. Sesetengah negara ini menganggap Malaysia sebagai negara kecil dan tidak signifikan. Adalah menjadi tanggungjawab diplomat Malaysia untuk membuat kehadiran mereka dirasai dengan mempamerkan hubungan Malaysia dengan negara tuan rumah itu mempunyai substansi dan bukan sekadar picisan.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Anwar Gargash Diplomatic Academy, pada tahun 2022 juga menunjukkan bahawa wanita masih diwakili di dalam bidang ini, tetapi ia tidak mencukupi dalam jawatan duta besar di seluruh dunia. Daripada 4,293 duta besar yang dilantik, hanya 927 adalah wanita. Ini menunjukkan bahawa bahagian keseluruhan duta besar wanita adalah sebanyak 21.6% untuk tahun 2022, sedikit peningkatan daripada dapatan 20.7% pada tahun 2021 dan 16% pada tahun 2018 bagi negara-negara G20. (Kumpulan 20 atau lebih dikenali sebagai **G20** merupakan pertubuhan gabungan 19 **negara** berdaulat, Kesatuan Eropah dan Kesatuan Afrika. Data menunjukkan bahawa Kanada dan Sweden mendahului dalam melantik bahagian tertinggi wanita sebagai duta besar dan wakil tetap pada tahun 2022, dengan 50.0% daripada kedua-dua negara memegang jawatan duta besar dipegang oleh wanita, iaitu 52 wanita duta besar daripada 104 dalam kes Kanada dan 53 wanita daripada 106 jawatan dalam kes Sweden. Norway berada pada 46.1% yang hampir sama, dengan melantik 35 wanita duta besar daripada 76 jawatan. (Sara Chehab, 2022).

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat tacit tentang pengalaman, cabaran dan elemen yang harus ada dalam diri seorang individu wanita dalam kerjaya yang dimonopoli oleh kaum lelaki. Kepentingan imbalan gender dalam pasukan kerja telah lama menjadi agenda organisasi di kebanyakan negara di seluruh dunia. Keputusannya sangat berbeza, antara geografi yang berbeza dan sektor-sektor yang berbeza. Diplomasi secara tradisional tertinggal jauh di belakang banyak sektor lain apabila berbicara tentang keseimbangan gender, terutama di jawatan-jawatan utama. Ini terjadi walaupun kebanyakan perkhidmatan luar negara merekrut bilangan calon wanita yang semakin meningkat di peringkat jawatan permulaan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:-

- i. Mengetahui latar belakang Diplomat Wanita Negara di Prague, Czech Republik.
- ii. Mengetahui peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Diplomat Malaysia di Prague, Czech Republik.
- iii. Mengetahui apakah keperibadian yang diperlukan oleh seorang wanita dalam kerjaya yang didominasi oleh lelaki.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah seperti berikut:-

- i. Apakah latar belakang Diplomat Wanita Negara?
- ii. Apakah peranan dan tanggungjawab seorang Diplomat Wanita Negara
- iii. Bagaimanakah keperibadian seorang wanita untuk berjaya di dalam kerjaya yang didominasi oleh lelaki.

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini akan memberikan gambaran sebenar apa yang diperlukan oleh kaum wanita dalam memperkasakan bidang yang mencabar ini. Faktor penting yang harus ada dalam diri seorang wanita apabila berdepan dengan pelbagai cabaran dalam dunia hubungan antarabangsa dan diplomatik ini. Ia dapat mengsiap siagakan individu yang berminat dalam bidang ini untuk mempersiapkan diri dari segi akademik mahupun jati diri apabila berdepan dengan pelbagai kerenah dan biokrasi dalam urusan kerjaya mereka kelak.

Daripada kajian ini, ia akan dapat membantu merapatkan hubungan di antara wanita berkerjaya dalam bidang diplomatik dengan menyediakan platform untuk berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi. Ini juga memberi sokongan moral kepada wanita yang berhadapan dengan kesukaran dalam kerjaya mereka. Sokongan ini penting untuk membantu mereka terus maju dan mengatasi segala rintangan yang ada.

Media sosial berperanan penting dalam menyebarkan maklumat terkini dan perkembangan semasa dalam dunia diplomasi. Kajian ini menekankan pentingnya wanita dalam bidang ini untuk mengikuti perkembangan semasa melalui media sosial, yang membantu diplomasi negara terus berhubung dengan isu-isu global dan tempatan, serta memanfaatkan platform ini untuk jaringan profesional dan pembangunan diri.

Perubahan sosial dan penerimaan wanita bekerja dimana wanita kini diterima dan dihargai sebagai pekerja profesional bukan seperti 20 tahun yang lalu. Peningkatan bilangan wanita yang bekerja mempengaruhi struktur sosial dan ekonomi dan membuka peluang lebih luas kepada wanita untuk menyumbang dalam pelbagai sektor termasuk diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Secara tradisinya, wanita kurang terlibat dalam bidang profesional pada tahun 1950-an berbanding sekarang. Kini, semakin ramai wanita bekerja sebagai pekerja profesional dan memainkan peranan penting dalam masyarakat. Kajian ini menunjukkan bagaimana peranan wanita telah berubah dari sekadar berada di sistem sokongan dalam keluarga kepada pencari nafkah utama dan terlibat sebagai profesional yang berjaya. Ini mencorakkan perbezaan ketara dalam penerimaan masyarakat terhadap wanita bekerja dan tanggungjawab yang mereka galas.

Sebelum ini, tidak ramai wanita yang bersedia untuk bertugas di luar negara kerana cabaran yang datang dengan berpindah dan tinggal di negara asing. Namun, dengan pendedahan yang lebih luas dan sokongan dari keluarga, semakin ramai wanita kini berani dan bersedia untuk menjalani kerjaya sebagai diplomat. Mereka mendapat sokongan moral dari keluarga untuk memulakan hidup baru di

negara lain, yang penting untuk menyesuaikan diri dan berjaya dalam tugas mereka.

Kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada organisasi, masyarakat, dan negara dengan memperkuat peranan wanita dalam diplomasi dan kepemimpinan. Ia juga menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang hubungan antarabangsa dan diplomatik, serta memperkukuhkan usaha untuk mencapai kesamarataan gender dalam sektor ini.

6. TINJAUAN LITERATUR

Hubungan luar negara di antara satu negara dengan negara yang lain telahpun wujud sejak zaman berzaman lagi. Ia merupakan satu cara mengujudkan hubungan dengan negara luar dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. Bila dirungkai dari zaman kegemilangan kerajaan Melaka, sejak tahun 1400 sebelum dijajah oleh Portugis pada tahun 1511, kesultanan Melaka telahpun menghantar Hang Tuan bagi menjalinkan hubungan dengan negara China. Laksamana Hang Tuah adalah 'raja duta' atau pegawai diplomatik ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka menyebabkan pahlawan itu terkenal di negara luar dalam menjalinkan hubungan kerjasama antara kerajaan. Timbalan Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Faizal Hilmi Yusof berkata, ketokohan dan kebolehan yang dimiliki pahlawan berkenaan menyebabkan namanya turut dicatatkan dalam beberapa manuskrip di negara luar seperti Turki, India dan Jepun. (Mohd Syazwan, MyMetro, 16 Disember 16, 2015, 8:31am).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Salmah Jan Nor Mohamad (2015), pada zaman kesultanan Melayu, utusan yang dihantar memainkan peranan penting dalam mewujudkan dan membentuk suatu jalinan harmoni antara kerajaan serantau. Dengan sistem perhubungan yang terhad dan pergantungan seratus peratus tanggungjawab kepada utusan telah menyebabkan utusan sedaya upaya menterjemahkan niat rajanya bagi menjayakan misi diplomatik tersebut. Oleh itu, utusan yang dihantar itu perlulah seseorang yang berkredibiliti.

Kerjaya yang dilakukan oleh seorang pegawai diplomatik mencakupi pelbagai ruang lingkup. Ini dinyatakan oleh bekas Duta Besar ke Arab Saudi Chas Freeman, dalam bukunya "The Arts of Power" (USIP, 1997), mengecapi tugas-tugas diplomat moden. Menurut Freeman, diplomat bertindak sebagai ejen kerajaan mereka. Mereka adalah penyokong dasar kerajaan mereka dan berunding bagi pihaknya. Mereka menjalinkan hubungan yang memudahkan dengan golongan elit di negara tuan rumah, melaporkan dan menganalisis perkembangan tempatan, dan mencadangkan kepada pihak kerajaan mereka tindakan yang direka untuk memajukan kepentingan negara. Diplomat melindungi rakyatnya, menggalakkan perdagangan, dan membangun imej positif negara asal mereka.

Tugas duta besar sebagaimana yang dijelaskan oleh Machiavelli dalam surat kepada Raffaello pada tahun 1522, bagaimanapun, mempunyai lingkungan yang lebih sempit. Beliau memberi tumpuan kepada menjalankan kerja kontak, membuat penilaian berdasarkan maklumat dari kontak, dan melaporkan ini secara berkesan kepada kerajaan pusat. Mungkin mentor itu menghadkan bidang permainan duta besar kepada ketiga-tiga bidang ini untuk menjadikan segalanya mudah berdasarkan ketidaksediaan Raffaello, yang dipetik oleh Machiavelli di permulaan surat. Fungsi ketua misi belum sepenuhnya ditetapkan pada zaman Machiavelli, dan tidak jelas apakah kuasa yang diberikan oleh Medici kepada Raffaello. Teks tidak mendedahkan sama ada beliau hanya diperintahkan untuk

melaporkan peristiwa di Madrid atau beliau mempunyai kuasa untuk berunding dan mengakhiri perjanjian. (Sher, 2022).

Menurut Konvensyen Vienna, (1961), Artikel 14, fungsi misi diplomatik termasuk (1) perwakilan negara penghantar di negara tuan rumah pada tahap melampaui sekadar keperluan sosial dan upacara; (2) perlindungan kepentingan negara penghantar dan warganegaranya di dalam negara tuan rumah, termasuk harta benda mereka dan saham dalam firma-firma; (3) perundingan dan penandatanganan perjanjian dengan negara tuan rumah bila diberi kuasa; (4) melaporkan dan mengumpulkan maklumat dengan segala cara yang sah mengenai keadaan dan perkembangan di negara tuan rumah untuk kerajaan penghantar; dan (5) mempromosikan hubungan mesra di antara kedua-dua negara dan memajukan hubungan ekonomi, perdagangan, budaya, dan sains mereka. Misi diplomatik juga menyediakan perkhidmatan awam untuk warganegaranya, termasuk bertindak sebagai nota-penjawat, menyediakan pendaftaran pilihan raya, mengeluarkan pasport dan dokumen untuk perkhidmatan tentera, merujuk warganegara yang cedera atau sakit kepada doktor tempatan dan peguam, serta memastikan perlakuan tidak diskriminatif bagi mereka yang dituduh atau dipenjarakan atas jenayah.

Sikap seorang pegawai diplomat juga adalah penting dan ia perlu mempunyai keperibadian yang sesuai. Merujuk pada Nuruddin al-Raniri pada bab yang ke III, fasal ke-5 dalam *Bustan alSalatin* atau 'Taman Raja-Raja' telah mencatatkan 10 sifat seorang utusan seperti contoh petikan di bawah;

Kata hukama, bahawa syarat utusan itu sepuluh syarat. Syarat yang pertama, hendaklah ia takut akan Allah Taala lagi teguh agamanya. Syarat yang kedua, hendaklah ia ada pengetahuan. Syarat yang ketiga, hendaklah ia elok parasnya. [Syarat yang keempat, hendaklah ada ia kepercayaan dan jangan ia berbuat khianat akan rajanya kerana hawa nafsunya.] ...Syarat yang kelima, hendaklah utusan itu fasih lidahnya dan baik suaranya, syarat yang keenam hendaklah ada ia bijaksana... Syarat yang ketujuh, hendak ada wazir itu utusan berani pada barang melakukan pekerjaan rajanya. Syarat yang kedua lapan, hendaklah ia baik kelakuannya lagi aqil... Syarat yang kesembilan, hendaklah utusan itu murah lagi bangsawan. Syarat yang kesepuluh, hendaklah ia jangan sangat tamak, jika sangat tamak ia, nescaya aiblah nama rajanya.

(Jelani Harun, 2009:275-79)

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan tentang sikap utama adalah beragama, berpegetahuan, sempurna fizikalnya, kepercayaan dan tidak berpaling tadah dari pemimpin, bijak berbicara dan bijak, berani, berkelakuan baik, pemurah dan tidak tamak.

Melusuri ke benua Eropah, penghantaran pegawai diplomatik telah bermula berabad lamanya. Kajian yang dilakukan oleh Shear (2022), tentang keperibadian Machiavelli berkaitan keperibadian seorang pegawai diplomatik, ia boleh dilihat daripada petikan di bawah ini. Menurut kajian beliau, pada tahun 1522, Niccolò di Bernardo dei Machiavelli (1469-1527) menghantar surat tentang bagaimana menjadi diplomat yang baik kepada Raffaello Girolami ketika pemuda itu bersedia untuk berkhidmat

sebagai duta besar Florence kepada Kaisar Sepanyol Charles V.

"Setelah memiliki sedikit pengalaman dalam urusan [diplomati]," tulis Machiavelli kepada anak seorang sahabat rapat, "saya akan memberitahu anda, bukan dengan angkuh tetapi dengan kasih sayang, apa yang telah saya pelajari mengenai mereka."

Dalam membuat keputusan, seringkali ia dipengaruhi oleh pengalaman yang telah dilalui oleh seseorang individu itu. Melalui pengalaman tersebut, mereka akan lebih mengetahui cara membuat keputusan yang tepat. Dalam kajian yang dilakukan oleh Spiegel (2017), beliau menyatakan bahawa pembuat keputusan adalah individu atau kumpulan yang bertanggungjawab untuk menangani masalah yang dibentangkan dan oleh itu, beberapa faktor asas yang berkaitan dengan mereka mengubah cara bagaimana keputusan itu berlaku. Ini ditegaskan oleh Bohanec (2003) pula mentakrifkan proses membuat keputusan sebagai "seni yang memerlukan pembuat keputusan menggabungkan pengalaman dan pendidikan untuk bertindak". Pembuat keputusan merujuk kepada pengalaman peribadi mereka untuk membuat pilihan. Justeru, dalam menangani pelbagai isu dalam kerjaya sebagai pegawai diplomatik, pengalaman yang lepas banyak membuat dalam membuat keputusan.

7. METODOLOGI

Sejarah lisan tidak lain hanyalah satu cabang penyelidikan sejarah. Dalam konteks ini, sejarah lisan timbul daripada teknik sejarah yang paling kuno, serta teknologi yang paling moden. Teknik mengumpulkan akaun mata-mata sejarah telah digunakan oleh sejarawan Yunani kuno lebih dua ribu tahun yang lalu, dan pemain pita rakaman, yang merupakan sebahagian daripada zaman moden, kini digunakan untuk merakam sejarah lisan. Ia adalah aktiviti yang mengambil manfaat dari kemahiran yang paling canggih sejarawan profesional, tetapi juga boleh dijalankan secara produktif oleh amatir hujung minggu, hanya dengan menggunakan kemahiran asas perbualan manusia (Davis, 1983). Temubual yang dilaksanakan mengikut teknik-teknik yang tertentu dan ia diikuti dengan soalan yang telah dibentuk lebih awal.

Tokoh dipilih berdasarkan kepada ruang lingkup kajian pada kali ini tentang pemerksaan wanita dalam bidang diplomatik. Puan Suzilah telah berkecimpung dalam bidang ini sejak 20 tahun yang lalu dan baru-baru ini telah dilantik sebagai Duta ke Republik Czech. Beliau adalah antara wanita yang menceburi bidang ini dari kajian yang dilakukan pada tahun 2022, dimana dari 81 jumlah duta hanya 12 orang atau 14.8% adalah wanita. (Sara Chehab, 2022). Justeru, kajian ini adalah signifikan bagi mengetahui latar belakang, peranan dan tanggungjawab serta keperibadian dan sikap yang diperlukan bagi seorang duta.

Temubual dilakukan secara atas talian kerana Puan Suzilah berada di Republic Czech. Beliau diberikan penerangan tentang cara temubual yang akan dilaksanakan, di mana 2 orang akan menemubual beliau berdasarkan pada soalan-soalan yang telah disediakan dan dihantar melalui emel kepada beliau. Tembual telah dirakam dan ia telah berjalan selama 1 jam 30 minit. Platform yang digunakan adalah WhatsApp video call kerana ia tidak mempunyai masa rakaman yang tetap. Pada awalnya, platform Zoom yang ingin digunakan, tetapi Zoom hanya membenarkan rakaman selama 1 jam sahaja. Temubual berjalan dengan lancar dan semua soalan yang dikemukakan dapat dijawab dengan lancar dan jelas.

Tembual kedua, iaitu kepada Puan Mimi. Puan Mimi adalah rakan baik kepada Puan Suzilah.

Beliau bertugas di Wisma Putra dan pernah bertugas bersama dengan Puan Suzilah di Bangkok, Thailand. Temubual bersama Puan Mimi diadakan secara berhadapan di pejabat beliau di Wisma Putra. Temubual dirakam dan ia berlangsung selama 45 minit.

Setelah temubual dilaksanakan, transkripsi telah dilakukan dengan mengambil tema-tema yang menyerah dan membawa maksud. Tema yang sesuai untuk kajian yang dilakukan adalah untuk memartabatkan kepimpinan wanita dalam negara kita. Topik ini dibincangkan dan dibahaskan dalam temuduga tersebut. Pelbagai perspektif yang berbeza dilontarkan daripada tokoh-tokoh ini mengenai wanita berkepimpinan dalam negara dan bidang diplomasi ini. Justeru, wanita perlu diangkat tinggi dan diberi peluang untuk berkecimpung dalam bidang profesional iaitu kepimpinan diluar negara misalnya. Melalui kajian itu, kita dapat huraikan bahawa wanita dalam berkepimpinan sangat berwawasan dan cekal menghadapi segala cabaran.

8. HASIL KAJIAN

Kajian ini mengenalpasti beberapa tema utama berdasarkan kajian literatur dan temubual yang telah dijalankan. Tema-tema tersebut adalah seperti berikut:

Menerusi penyelidikan, Puan Suzilah Mohd Sidek menerima tawaran ke Pusat Pendidikan Persediaan (PPP) atau Institut Teknologi MARA (ITM) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat A-levels di Malaysia selama dua tahun. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti asas di Cheras, Kuala Lumpur, sebagai sebahagian daripada program latihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Satu tahun di Malaysia dan dua tahun di United Kingdom (UK) merupakan tempoh program ini, dengan dua tahun pertama di Shah Alam untuk A-levels dan tahun pertama universiti di Cheras, diikuti dua tahun di UK.

Sebagai seorang diplomat, tugas utama beliau adalah membawa imej Malaysia yang baik di luar negara dan menjalin hubungan dengan negara-negara lain. Diplomat bertindak sebagai penghubung antara kerajaan Malaysia dan kerajaan negara tempat bertugas, serta mempromosikan Malaysia melalui perdagangan, pelancongan, politik, dan hubungan akademik. Ini termasuk pepadanan perniagaan dan kerjasama antara kementerian, agensi, dan perniagaan di kedua-dua negara. Pengalaman diplomat yang ditemubual merangkumi bertugas di empat buah negara iaitu Kanada, Austria, Thailand, dan Republik Czech.

Sikap dan keperibadian seorang diplomat penting dalam menjalankan tugas. Contohnya, Puan Suzilah, seorang Pegawai Kanan, mempunyai banyak idea dan pandangan luas kerana banyak membaca dan berfikir secara futuristik. Beliau memberi arahan kerja dengan kepercayaan penuh tanpa mengganggu pelaksanaan tugas, memberikan ruang kepada pegawai bawahan untuk bekerja dengan selesa. Puan Suzilah juga suka melibatkan rakan sekerja dalam perbincangan untuk membuat keputusan bersama, memberikan rasa keperluan dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat.

Kajian ini menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan, peranan dan tanggungjawab sebagai diplomat, serta sikap dan keperibadian yang baik adalah penting dalam memperkasakan wanita dalam bidang diplomatik. Pendedahan, sokongan moral, dan persiapan akademik serta jati diri memainkan peranan penting dalam membantu wanita mengatasi cabaran dalam kerjaya diplomatik.

9. KESIMPULAN

Setakat ini, walaupun lebih ramai lelaki daripada wanita dalam bidang diplomatik, sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan ketara dalam jumlah wanita yang menceburi bidang ini, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain. Kini, terdapat lebih ramai wanita dalam bidang diplomatik berbanding dengan ketika saya mula-mula menyertai kementerian.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa wanita memainkan peranan yang semakin penting dan diiktiraf dalam bidang diplomatik. Pendedahan awal, sokongan moral, persiapan akademik, dan jaringan profesional adalah faktor-faktor utama yang membantu wanita mengatasi cabaran dalam kerjaya diplomatik. Dengan sokongan yang tepat dan persiapan yang menyeluruh, wanita dapat mencapai kejayaan yang setara atau lebih baik dalam bidang ini, mempromosikan hubungan antarabangsa yang lebih harmonis, dan membawa imej positif negara mereka di peringkat global. Kajian ini juga memperkukuhkan literatur sedia ada dengan memberikan bukti-bukti empirikal dan contoh-contoh konkrit dari pengalaman diplomat wanita seperti Puan Suzilah Sidek.

Penghargaan: Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Puan Suzilah Sidek yang telah sudi meluangkan masa ditemubual. Walaupun Puan Suzilah sangat sibuk dengan tugas harian dan temubual dilaksanakan pada lewat petang, beliau menunjukkan dedikasi yang sangat tinggi dan menjawab dengan baik serta tenang semua soalan yang dikemukakan. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Mimi di atas kerjasama yang diberikan. Beliau seorang yang ceria dan sangat bersahaja menyebabkan temubual tidak kekok diadakan dan semua berjalan lancar. Jutaan terima kasih juga kepada Encik Jafalizan Md Jali, pensyarah kami yang memberikan idea dan membantu kami dalam menyelesaikan tugas ini. Terima kasih juga kepada Puan Nordiana Mohd Nordin, selaku penasihat dalam penghasilan artikel ini. Alhamdulillah, dengan kerjasama baik daripada semua pihak, kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

RUJUKAN

- Chehab, S. (2022). Women in Diplomacy Index 2022. Anwar Gargash Diplomatic Academy.
- Davis, C., et al. (1983). Oral history: From tape to type. American Library Association.
- Freeman, C. W. Jr. (1997). Arts of power: Statecraft and Diplomacy. United States Institute of Peace Press. <https://www.usip.org/publications/1997/06/arts-power>
- Harun, J. (2009). Bustan al-Salatin: A Malay mirror for rulers. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Strategi Utusan Kerajaan dalam Menjalinkan Hubungan Diplomatik pada Zaman Kesultanan Melayu. Jurnal Pendeta, 5. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1198/860>
- Shear, D. B. (2022). Machiavelli on how to be a good diplomat. The Foreign Service Journal. <https://afsa.org/machiavelli-how-be-good-diplomat>
- Spiegel, T. (2017). Influences of Personal Experience in Decision-Making. In Z. Nedelko & M. Brzozowski (Eds.), Exploring the influence of personal values and cultures in the workplace (pp. 76–97). Business Science Reference/IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-2480-9.ch005>
- Syazwan, M. (2015). Terkenal Raja Duta. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/12/100405/terkenal-raja-duta>
- Taib, F. M. (2022). Women diplomats have flown the Malaysian flag high abroad. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2022/03/777811/women-diplomats-have-flown-malaysian-flag-high-abroad>
- United Nations. (1961). Vienna Convention on Diplomatic Relations.